

## **SOALAN NO. 26**

Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada “Malaysian Official 1”(MO1) yang disebut dalam saman sivil Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat berkenaan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) merujuk kepada Perdana Menteri sendiri.

### **JAWAPAN**

Kementerian tidak dapat mengemukakan jawapan kerana soalan ini adalah masih dalam pertimbangan mahkamah (*subjudice*) , sebagaimana yang telah diputuskan oleh YB Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 17 Oktober 2016.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING**

**TARIKH : 17.10.2016**

**SOALAN : NO. 27**

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada PTPTN akan melaksanakan pelan pembayaran balik pendapatan kontinjen (*income contingent repayment*) dan jumlah peminjam yang telah berjaya untuk berunding semula dengan PTPTN untuk mengurangkan bayaran bulanan pinjaman PTPTN sejak tahun 2013.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini pelaksanaan *Income Contingent Loan Repayment (ICLR)* masih di dalam peringkat kajian dan mengambil masa untuk dilaksanakan kerana melibatkan pindaan akta.

Berkenaan dengan rundingan, Kementerian sentiasa menggalakkan peminjam yang mempunyai masalah bayaran balik untuk tampil berunding dan membuat penstruktur semula. Sehingga 3 Oktober 2016, seramai 62,381 orang peminjam telah datang berunding dan membuat penstruktur semula bayaran balik pinjaman PTPTN.